



RAJA MUDA PERLIS MAHU RAKYAT TOLAK PENGGUNAAN POLISTIRENA—

Oleh : Mohd Basri Basir

ARAU 3 Julai – Raja Muda Perlis Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail hari ini meluahkan rasa kesal baginda terhadap kedegilan peniaga serta pengguna yang masih menggunakan bekas makanan daripada polistirena. Titah baginda perkara itu jelas dilihat di pasar malam dan bazar Ramadan baru-baru ini yang menunjukkan orang ramai tidak ambil kisah tentang ancaman polistirena terhadap kesihatan manusia. "Beta berlita sejak 2012 lagi mengenai isu ini.

Arahan juga telah dikeluarkan supaya setiap majlis yang melibatkan beta tidak menggunakan polistirena sebagai bekas makanan namun masih ada pihak tidak mengambil peduli," titah baginda.

Tuanku Syed Faizuddin yang juga Canselor Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) bertitah pada majlis Riang Ria Hari Raya Aidilfitri universiti tersebut di Dewan Ilmu di sini. Turut Hadir, Naib Canselor UniMAP, Dato' Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal. Lebih 2,000 warga UniMAP menghadiri Majlis Riang Ria Hari Raya Aidilfitri. Pada program itu juga baginda berkenan mengurniakan hadiah-hadiah kepada pemenang pertandingan 'Cake Master' antara jabatan-jabatan di UniMAP.